

18 MAR 1998

SETIAUSAHA AGUNG UMNO RASMI MESYUARAT IPF

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Barisan Progresif India (IPF) akan mengadakan kempen di seluruh negara bagi menggalakkan anggotanya menderma wang tunai dan barangan kemas untuk meningkatkan simpanan negara, kata Presidennya M.G.Pandithan hari ini.

Katanya kempen yang akan diadakan ketika perhimpunan Agung IPF ketujuh pada 29 Mac di sini itu, bertujuan membantu kerajaan mengatasi masalah ekonomi.

Lebih daripada 2,000 anggota perwakilan dijangka menghadiri mesyuarat sehari itu yang akan dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik yang juga setiausaha agung Umno.

Pandithan berkata parti itu juga akan menghantar satu resolusi menyokong Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengatasi masalah ekonomi dan kewangan negara. -- BERNAMA

ES NN